

UMNO-MAHATHIR

1979
KUALA LUMPUR, 8 JULAI (BERNAMA) — KERAJAAN AKAN MENAMBAHKAN LAGI PERUNTUKAN BAGI MEMBANTU PARA PENIAGA KECIL BUMIPUTERA LEBIH BERGIAT MENYERTAI BIDANG PERNIAGAAN SELARAS DENGAN PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU.

SETAKAT INI KERAJAAN TELAH MENGADAKAN PERUNTUKAN SEJUMLAH \$30 JUTA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BAGI MEMBANTU PARA PENIAGA KECIL BUMIPUTERA.

DEMIKIAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, MENJELASKAN KETIKA MENJAWAB HUJJAH-HUJJAH YANG DITIMBULKAN OLEH PARA PERWAKILAN SEMASA PERBAHASAN USUL-USUL DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-30 DI SINI HARI INI.

KATANYA, SELAIN DARI TAMBAHAN PERUNTUKAN ITU KERAJAAN AKAN JUGA MENYEDIAKAN KEMUDAHAN ASAS SEPERTI TEMPAT BERNIAGA, BEKALAN LETRIK DAN AIR. — BERSAMBUNG 1047/AH

BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN MENOLONG PARA PENIAGA BUMIPUTERA KECIL SUPAYA MEREKA DAPAT MENINGKATKAN LAGI PERNIAGAAN MASING-MASING.

+JIKA BOLEH, MEREKA HENDAKLAH CUBA MEMASUKI BIDANG PERNIAGAAN YANG LEBIH BESAR SEDIKIT DARI LAPANGAN YANG MEREKA BERNIAGA SEKARANG, + TAMBAH BELIAU.

TENTANG PELABURAN ASING, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MENGADAKAN ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN BAGI MENARIK LEBIH RAMAI PARA PELABUR ASING MENANAM MODAL DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA SEMASA LAWATAN YANG LAKUKAN OLEH ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN BEBERAPA SEMINAR TELAH DIADAKAN DAN INI TELAH MEMBAWA HASIL KEPADA PARA USAHAWAN DAN PENGUSAHA BUMIPUTERA.

UMNO-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, LAWATAN GALAKAN PELABURAN PERLU DITERUSKAN BAGI MEMPERCEPATKAN LAGI PERKEMBANGAN EKONOMI SERTA MEMPERTINGKATKAN JUMLAH PENANAM MODAL ASING DI NEGARA INI.

BELIAU JUGA MAHUKAN PERBADANAN-PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI DAN AJENSI-AJENSI KERAJAAN MENGHANTAR WAKIL MASING-MASING BAGI MENYERTAI ROMBONGAN ITU DARI MASA KE MASA.

KATANYA, PENYERTAAN WAKIL-WAKIL PERBADANAN EKONOMI NEGERI PERAK DAN PAHANG TELAH PUN DIDAPATI MEMBAWA HASIL KEPADA NEGERI-NEGERI ITU.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA MEMBIAYAI WAKIL-WAKIL DARI BADAN PERNIAGAAN BUMIPUTERA YANG MENYERTAI ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN TERSEBUT. — BERSAMBUNG 1055/AH

UMNO-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO MEMBERITAHU PERHIMPUNAN PIHAK IBU PEJABAT UMNO TIDAK LAMA LAGI AKAN MELANCARKAN DERMA KUTIPAN UNTUK BANGUNAN UMNO.

MENURUTNYA, UMNO SEKARANG MEMPUNYAI AHLI SERAMAI KIRA-KIRA 600,000 ORANG DAN MEREKA HENDAKLAH MENDERMA SEKURANG-KURANGNYA \$1 SEBULAN.

KATANYA CARA-CARA MENDERMA DAN MENJALANKAN KUTIPAN ITU SEDANG DISUSUN OLEH PIHAK IBU PEJABAT.

BELIAU YAKIN DENGAN ADANYA SOKONGAN DAN SAMBUTAN DARI AHLI-AHLI BANGUNAN BARU UMNO AKAN DAPAT DIDIRIKAN LEBIH AWAL DARI MASA YANG DIJADUALKAN. — BERNAMA 1057/AH